

SOALAN NO: 33

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN GOOI HSIAO LEUNG [ALOR SETAR]
TARIKH : 25 OKTOBER 2017
SOALAN : 33

YB Tuan Gooi Hsiao Leung [Alor Setar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada proses tender untuk pembinaan hospital Pendang baru telah akhirnya bermula, memandangkan projek ini sudah dilambatkan lebih sepuluh tahun.

Tuan Yang Di Pertua,

Projek Hospital Pendang telah diluluskan dalam *Rolling Plan* Pertama, Rancangan Malaysia Ke-11. Skop projek sebagai Hospital Pakar Minor telah dimuktamadkan dan sedang di peringkat penyediaan dokumen tender yang dijangka ditender pada 07 November 2017 dan SST dijangka pada 2018 dan agensi pelaksana projek ini adalah Jabatan Kerja Raya (JKR).